

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA  
(KETEREH)**

**TARIKH : 11.6.2015  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memperbesarkan lagi Kem Desa Pahlawan di Kelantan memandangkan Kerajaan mempunyai rezab yang luas di kem tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan akan terus melaksanakan projek pembangunan Angkatan Tentera demi kepentingan strategik pertahanan negara khususnya di Pantai Timur yang merupakan agenda penting dalam kerangka pertahanan strategik negara. Kementerian Pertahanan dalam pembangunan angkatannya sentiasa mempunyai rancangan jangka panjang yang merangkumi tiga aspek utama iaitu pembangunan angkatan, kesiagaan, dan kualiti hidup warganya.**

**Dalam konteks pembangunan di Kem Desa Pahlawan, pihak kementerian mempunyai rancangan jangka panjang untuk menempatkan sebuah Batalion Infantri Standard di rezab tanah yang terdapat di kem Desa Pahlawan di Kelantan. Pembangunan ini bukan sahaja akan merangkumi pembinaan bangunan-bangunan teknikal kem tetapi juga Rumah Keluarga Angkatan Tentera untuk menempatkan keluarga anggota pasukan tersebut.**

**Pembangunan yang bakal dilaksanakan ini akan dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan di Pantai Timur serta dalam masa yang sama akan meningkatkan lagi moral warga tentera dan keluarga yang bertugas di sana.**